


CARTA ALIRAN TATACARA MENJALANKAN AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM



PERANAN JURULATIH/GURU

- Memberikan kesedaran dan kefahaman kepada murid tentang pentingnya keselamatan diri semasa menjalankan aktiviti kokurikulum melalui:

- Poster
- Perhimpunan mingguan
- Ceramah
- Bengkel
- Pengajaran dan pembelajaran dalam kelas
- Tayangan video
- Edaran

SEMASA AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM

- Peka terhadap surat pekeliling yang diedarkan serta memahami isi kandungannya.
- Memahami dan mematuhi tatacara tindakan sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.
- Menyimpan rekod profil dan juga kegiatan pelajar serta dikemaskini.
- Merekodkan sebarang kemalangan semasa aktiviti dalam buku rekod kemalangan.
- Mengenalpasti pelajar yang tidak sihat atau mempunyai surat pengesahan perubatan tentang sesuatu penyakit yang perlu dikecualikan daripada menjalankan aktiviti.
- Menyediakan surat makluman kepada ibubapa / penjaga tentang sesuatu aktiviti yang dijalankan.
- Mengedarkan borang kebenaran ibu bapa / penjaga untuk dipenuhi dan dikumpulkan semula aktiviti dijalankan. Borang ini hendaklah diserahkan kepada Penolong Kanan Kokurikulum untuk difailkan.
- Hadir di tempat aktiviti 15 minit sebelum aktiviti dimulakan dan mengawasi murid sepanjang masa untuk mengelakkan berlakunya sebarang masalah yang tidak diinginkan.
- Mencatat kehadiran pelajar.
- Memastikan aktiviti yang dilakukan mengikut kesesuaian dan kemampuan pelajar.
- Memastikan kawasan yang digunakan dalam keadaan yang selesa dan selamat.



Tel: 086-3345829

Fax: 086-334540

SMK BARU BINTULU



Polisi Keselamatan Semasa Menjalankan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum



SMK BARU BINTULU



4KEMALANGAN SIFAR"

PENGENALAN

Kegiatan kokurikulum merupakan kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan pelajar peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah

Kegiatan kokurikulum di sekolah akan mengandungi yang berikut:

- Penyertaan dalam sukan dan permainan
- Penyertaan dalam persatuan dan kelab
- Penyertaan dalam pasukan pakaian seragam
- Lain-lain kegiatan sebagaimana ditentukan oleh Menteri Pendidikan

RASIONAL

- SMK Baru Bintulu bertanggungjawab menyediakan iklim sekolah yang selamat semasa aktiviti kokurikulum dan sukan dijalankan.
- Warga sekolah terdedah dengan isu-isu keselamatan fizikal dan penggunaan peralatan sukan.
- Menyedari keperluan pengawasan yang rapi sepanjang aktiviti dijalankan.

OBJEKTIF

- Memastikan bahawa kegiatan ini bergerak selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mengelakkan berlakunya kemalangan semasa kegiatan kokurikulum dijalankan.
- Mendisiplinkan diri murid dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.
- Memastikan pengurusan peralatan dan diri murid mengikut tatacara yang disediakan.

PERANAN MURID

PROSEDUR TETAP (SOP) PELAJAR SEMASA MENJALANKAN AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM

1. SUKAN DAN PERMAINAN

- Pelajar hendaklah melaporkan taraf kesihatan yang terkini sebelum menjalankan aktiviti.
- Memakai pakaian yang sesuai sewaktu aktiviti dijalankan.
- Bergerak ke kawasan sukan setelah menerima arahan daripada guru.
- Mesti mengikut arahan guru semasa melakukan kemahiran asas pergerakan dan permainan.
- Laporkan segala kerosakan alat kepada guru yang bertugas jika alat yang rosak selepas digunakan. Jika terdapat alatan yang rosak, jangan digunakan dan laporkan kepada guru.
- Melaporkan kemalangan yang berlaku kepada guru bertugas.

2. UNIT BERUNIFORM

- Mesti sihat untuk menjalankan aktiviti dan memakai pakaian yang sesuai.
- Berada di lokasi aktiviti pada tempat dan masa yang ditentukan.
- Ketua Pasukan merekodkan kedatangan ahli.
- Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
- Tunggu arahan daripada guru penasihat.
- Sentiasa mematuhi arahan guru penasihat.
- Sekiranya berlaku kemalangan ikut tatacara menghadapi kemalangan dan beri rawatan.

3. KELAB / PERSATUAN

- Pelajar berada di tempat tepat pada masa yang ditetapkan.
- Setiausaha merekodkan kehadiran ahli.
- Memakai pakaian yang telah ditetapkan.
- Mengikut arahan guru sepanjang aktiviti.
- Sekiranya berlaku kemalangan/kecemasan hendaklah diberi rawatan kecemasan dengan segera dan laporkan kepada guru.
- Sekiranya pelajar tidak dapat meneruskan aktiviti, guru penasihat hendaklah melaporkan kepada ibu bapa dan menghantar pelajar pulang atau ke hospital.

4. LAWATAN SAMBIL BELAJAR

- Pelajar melengkapkan borang kebenaran waris yang disediakan dan menyerahkannya kepada guru penasihat.
- Pakai pakaian dan peralatan yang sesuai.
- Pastikan ada pengenalan sekolah dan diri masing-masing.
- Bawa peti kecemasan yang lengkap.
- Catat kedatangan dan naik kenderaan yang digunakan dengan mengutamakan keselamatan.
- Setelah tiba ke tempat yang dituju ikut arahan guru.
- Lakukan aktiviti dalam kumpulan.
- Sekiranya terpisah daripada kumpulan, jangan panik, tunggu di satu tempat dan minta bantuan sehingga bantuan sampai.

PERANAN MURID

5. AKTIVITI PERKHEMAHAN

- Lengkapkan borang kebenaran ibu bapa / penjaga dan serahkan kepada guru.
- Berkumpul dalam kumpulan dan tunggu arahan guru.
- Pakai baju lengan panjang dan kasut sukan.
- Dirikan khemah di kawasan sesuai.
- Tabur serbuk belerang di sekeliling khemah untuk mengelakkan binatang merayap yang berbisa.
- Bersihkan kawasan sekeliling khemah.
- Jangan tebang dan merosakkan sebarang tumbuhan kerana mungkin beracun.
- Ketua kumpulan jalankan aktiviti kumpulan.
- Hentikan aktiviti sekiranya terdapat tanda-tanda cuaca buruk berlaku.
- Sekiranya diganggu oleh haiwan liar atau kecemasan jangan panik, menjeritlah minta pertolongan kecemasan dengan segera.
- Laporkan kepada guru / penyelamat keselamatan.
- Sekiranya berterusan, keluar dari kawasan perkhemahan dan dapatkan rawatan di klinik/hospital berdekatan.
- Bawa peralatan yang lengkap dan peti kecemasan.
- Dilarang membuat aktiviti di air tanpa kehadiran guru / pegawai bertugas / penyelamat kecemasan.
- Mesti gunakan jaket keselamatan bagi semua aktiviti di air.

PERANAN IBU BAPA/PENJAGA

- Mengambil tahu aktiviti kokurikulum yang diikuti oleh anak-anak jagaan masing-masing.
- Meneliti dan mengisi borang-borang yang disediakan oleh pihak sekolah yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan. Memastikan anak berada dalam keadaan sihat.
- Memaklumkan kepada pihak sekolah tentang taraf kesihatan anak jagaan masing-masing.
- Memastikan ada surat pengesahan doktor jika anak tidak sesuai untuk mengikuti sebarang aktiviti.
- Menandatangani borang pengesahan kebenaran untuk menjalankan aktiviti.
- Menyediakan bahan keperluan anak jagaan sepanjang aktiviti dijalankan.
- Mengenalpasti guru-guru yang menguruskan aktiviti dan menyimpan nombor telefon guru berkenaan/pihak sekolah.
- Ibu bapa/ penjaga hendaklah bertindak segera dan bekerjasama dengan pihak sekolah sekiranya berlaku kecemasan terhadap anak jagaan.